

27/09/2003

Pemilihan polis bukan Melayu dan bakal TPM

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

USAHA Polis Diraja Malaysia melancarkan program merekrut anggota baru dilaporkan oleh Malaysia Namban yang turut mendakwa ramai belia berketurunan India yang berminat menyertai pasukan polis, tetapi akhirnya hampa.

Ini kerana permohonan mereka ditolak apabila menghadiri temu duga, walaupun sudah memenuhi semua syarat yang ditetapkan.

Memetik beberapa rungutan dalam ruangan surat pembacanya, Namban melaporkan bahawa kebanyakan calon terbabit berkata walaupun ada di antara mereka disenarai pendek, tiada yang terpilih pada akhirnya.

Sehubungan itu, akhbar berkenaan merumuskan bahawa dakwaan mengatakan belia India tidak berminat menyertai polis tidak berasas sama sekali dan kini terpulang kepada pihak berkenaan untuk lebih telus dalam proses pemilihan.

Akhbar sama turut menegur dasar polis yang hanya ghairah memilih bukan Melayu bagi jawatan rendah saja sedangkan mereka yang layak dari segi fizikal serta memiliki ijazah sering tersingkir dalam pemilihan pangkat lebih tinggi dengan alasan kuota bukan Melayu sudah penuh.

Tamil Nesan minggu ini melaporkan mengenai kenyataan Setiausaha Agung Kesatuan Profesyen Perguruan Kebangsaan (NUTP), N Siva Subramaniam, bahawa guru besar sekolah aliran Tamil dan Cina tidak akan dilucutkan daripada jawatan mereka atas sebarang sebab.

Beliau memberi jaminan bahawa kepentingan mereka tetap diberi keutamaan walaupun Kementerian Pendidikan sudah memaklumkan bahawa sesiapa yang berada dalam kategori DG-5 dan DG-6 akan dinaikkan pangkat mulai awal tahun depan.

Katanya, kementerian sudah memberi jaminan kepada kesatuan terbabit bahawa guru besar berkenaan akan dibenarkan terus berkhidmat di sekolah masing-masing.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata kini ada lebih ramai guru sementara di sekolah Tamil dan Cina kerana kedua-dua sekolah terbabit mengalami masalah kekurangan guru yang serius.

Sehubungan itu, kata Siva, kesatuannya sedang mengumpul data guru sementara di seluruh negara dan akan mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya mereka dibenar menjalani latihan untuk menjadi guru terlatih.

Nesan dan Namban juga melaporkan mengenai persidangan khas perwakilan Persatuan Dravidian Malaysia di ibu negara Ahad lalu yang meluluskan undi tidak percaya terhadap pucuk pimpinan sedia ada.

Persatuan berusia 57 tahun itu juga bertindak melantik satu jawatankuasa pengurusan yang dianggotai lima ahli sehingga pucuk pimpinan baru dipilih. Perwakilan 32 daripada 55 cawangan persatuan itu menghadiri sidang berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Nesan melaporkan bahawa Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain akan merasmikan Pertandingan Silambam Kesembilan di Alor Star pada 26 September ini.

Pertandingan silambam atau seni mempertahankan diri masyarakat India itu akan berlangsung selama tiga hari di Stadium Sultan Abdul Halim dan satu pertunjukan khas akan diadakan oleh satu kumpulan silambam dari India akan menjadi acara kemuncak.

Akhbar yang sama turut melaporkan mengenai arahan terbaru supaya semua rumah kebajikan perlu berdaftar dengan kerajaan atau menghadapi kemungkinan ditutup.

Memetik kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk S Veerasingam, Nesan melaporkan ada antara rumah kebajikan berkenaan masih belum berdaftar walaupun sudah lapan tahun

beroperasi.

Katanya, pendaftaran akan memudahkan pemantauan Kementerian terhadap rumah kebajikan berkenaan bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan atau penderaan terhadap penghuninya.

Perihal Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menyerahkan jawatannya secara rasmi kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Oktober ini, dilaporkan oleh Nanyang Siang Pau, Sabtu lalu.

Perdana Menteri baru itu akan mengangkat sumpah di Istana Negara pada 31 Oktober ini dan memulakan tugasnya pada keesokan harinya.

Penyerahan jawatan dan majlis angkat sumpah perlu dilakukan serentak bagi mengelakkan wujud sebarang masalah yang tidak diingini apabila jawatan itu dikosongkan.

Dr Mahathir akan mengadakan lawatan ke beberapa negara sebelum beliau bersara.

Selepas selesainya Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Dr Mahathir akan berangkat ke Bangkok untuk menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pada 19 Oktober ini.

Beliau kemudian akan terus ke Timur Timor dan Papua New Guinea sehingga akhir Oktober ini.

Sementara itu, difahamkan, Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang khasnya Umno berharap Abdullah akan balik ke kampung halamannya di Kepala Batas untuk mengucapkan terima kasih kepada ibunya selepas majlis angkat sumpah.

Pada masa sama, BN Pulau Pinang akan mengambil peluang mengadakan perhimpunan raksasa untuk mengucapkan tahniah kepadanya.

Difahamkan, Abdullah tidak akan tergesa-gesa melantik timbalannya sebaik saja beliau memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia kelima.

Bagaimanapun sumber itu tidak dapat memastikan tempoh masa yang diperlukan Abdullah untuk melantik timbalannya.

Pada masa ini, calon yang dikatakan paling berpeluang dilantik Timbalan Perdana Menteri ialah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sementara itu, Nanyang Siang Pau melalui soal selidikinya mendapati penurunan harga cakera padat (CD) dan video cakera padat (VCD) mulai tahun depan akan mendatangkan pelbagai kesan termasuk menggalakkan kegiatan cetak rompak di negara ini.

Pengguna mungkin terpaksa membayar RM40 hingga RM60 bagi satu CD jika pengusaha industri hiburan enggan menanggung kos pengeluaran tinggi, sebaliknya memilih untuk mengimport produk itu dari luar negara yang tidak termasuk dalam penetapan harga siling.

Penyokong cetak rompak pula tidak akan tertarik dengan harga siling yang ditetapkan iaitu CD antara RM21 hingga RM29 dan RM14 untuk VCD kerana produk cetak rompak jauh lebih murah.

Bukan itu saja, keadaan akan bertambah buruk dengan stok CD dan VCD sedia ada yang bernilai RM40 juta di pasaran.

Kilang mencetak CD dan VCD tulen mungkin menghadapi risiko penutupan apabila syarikat rakaman antarabangsa tidak lagi membeli salinan induk untuk dicetak di negara ini.